

Kem Bina Semangat ilham PM, kata Megat Junid

KUALA LUMPUR, Khamis — Kem Bina Semangat Ghafar Baba adalah ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ia ditubuhkan untuk menanam nilai terpuji di kalangan ahli Umno.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub, berkata penubuhan kem itu bukan untuk menjatuhkan mana-mana pemimpin.

"Kem itu adalah seperti yang ditubuhkan di Jepun dan Jerman Barat. Di kedua-dua negara itu, hampir setiap daerah mempunyai kem bina semangatnya sendiri," katanya di Persidangan Umno Cawangan Taman Seri Keramat, di sini hari ini.

Datuk Megat Junid berkata, beliau sendiri sudah mengikuti latihan selama tiga bulan di salah sebuah kem itu di Jepun.

Cinta

Menurutnya, kem kem itu berusaha menanam semangat cintakan negara, patuh kepada undang-undang dan rajin bekerja.

"Jadi, tiada apa yang harus dimusykikan dengan penubuhan Kem Bina Semangat Ghafar Baba. Ia untuk menanam semangat cintakan negara, menerapkan nilai-nilai Islam, rajin bekerja dan amanah," katanya.

Datuk Megat berkata, setakat ini ada beberapa menteri kabinet, menteri besar, exco Kerajaan Negeri dan pegawai kanan kerajaan mengikuti latihan di kem berkenaan.

Menurutnya, ketamannya diberikan kepada Pemuda Umno kerana mereka mempunyai "tenaga kuat".

Beliau juga menafikan kononnya Datuk Seri Dr Mahathir mengumpul kekayaan sepanjang perkhidmatannya dalam kerajaan.

"Sepanjang perkhidmatan saya dengan beliau, Perdana Menteri tidak pernah membeli saham, tanah atau rumah teres," katanya.